

PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjur pertumbuhan ekonomi dunia berkembang pada kadar yang lebih perlahan 3.2% pada 2019 berbanding 3.6% pada 2018 berikutan perang perdagangan yang berlanjutan antara China dengan AS. Pertumbuhan perdagangan global pula dijangka menyederhana 2.5% berikutan aktiviti pelaburan dan industri yang lebih lemah. Justeru, Kerajaan akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengawal atau mengurangkan sebarang kesan negatif kepada ekonomi Malaysia yang berpunca daripada pertelingkahan perdagangan yang tidak berkesudahan.

Sungguhpun berdepan ketidaktentuan luaran yang mencabar, ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang menggalakkan 4.7% pada 2019. Kerajaan mengunjurkan KDNK Malaysia akan meningkat lebih pantas kepada 4.8% pada 2020 disokong oleh fundamental ekonomi yang kukuh termasuk institusi awam yang teguh dan dipercayai, pasaran buruh yang kondusif, inflasi yang rendah dan stabil, lebihan akaun semasa yang selesa serta kepelbagaian aktiviti ekonomi. Sistem perbankan negara yang teguh dan pasaran modal yang kukuh sangat berupaya untuk menyediakan mudah tunai yang mencukupi bagi menyokong pelbagai aktiviti ekonomi.

Perang perdagangan antara China dengan AS telah mengorientasikan semula rantaian penawaran global. Sebagai destinasi pelaburan berisiko rendah yang kompetitif di rantau ini, Malaysia meraih manfaat yang besar daripada perubahan rantaian penawaran global melalui peralihan pelaburan dan perdagangan disokong oleh kemudahan infrastruktur terbaik, keutuhan kedaulatan undang-undang serta tenaga kerja berkemahiran dan memiliki kebolehan pelbagai bahasa. Menurut MIDA, pelaburan asing yang diluluskan pada separuh pertama 2019 meningkat 97.2% kepada RM49.5 bilion berbanding RM25.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu. Sebahagian besar pelaburan asing ini disumbangkan oleh China, Jepun, Singapura dan AS.

Kerajaan mempromosikan penggunaan teknologi baharu secara meluas di samping menggalakkan pelaburan swasta dalam bidang berteknologi dan bernilai tinggi serta berasaskan pengetahuan bagi memperkukuh daya saing dan meningkatkan peranan negara dalam rantaian penawaran global yang diorientasikan semula. Kerajaan telah mengenal pasti Industri 4.0 sebagai pemacu utama pertumbuhan yang akan memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan mampan pada masa hadapan seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam dasar Industry4WRD. Transformasi ekonomi digital akan membolehkan Kerajaan mempersiapkan generasi muda bagi mendepani masa hadapan.

Kerajaan sedang menangani jurang kritikal berkaitan ketersambungan digital negara melalui pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) bagi mempercepat penggunaan teknologi IR 4.0 dalam ekonomi. Pelan ini memerlukan perbelanjaan infrastruktur digital bernilai RM21.6 bilion untuk tempoh lima tahun mulai

2019 hingga 2024 bagi memperkukuh dan memperluas liputan internet jalur lebar dalam negara di samping meningkatkan kelajuan internet pada harga mampu bayar kepada pengguna dan perniagaan. Meskipun Kerajaan meletakkan keutamaan kepada pertumbuhan ekonomi, namun terdapat keperluan untuk memastikan pertumbuhan yang mapan dan dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Status negara berpendapatan tinggi menjadi tidak bermakna sekiranya rakyat tidak mendapat sebarang manfaat daripada kemakmuran negara. Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan mendukung prinsip Kemakmuran Bersama sebagai hala tuju baharu dalam pertumbuhan ekonomi tanpa sesiapa pun terpinggir daripada arus pembangunan.

Kerajaan sedang melaksanakan misi khusus untuk melindungi kumpulan paling mudah terjejas. Ini dapat dilihat menerusi pengenalan pelbagai program sosial seperti Bantuan Sara Hidup, skim perlindungan kesihatan nasional MySalam, Skim Peduli Kesihatan B40 (PEKA B40), i-Suri dan FoodBank.


Sementara itu, kebimbangan rakyat terhadap kenaikan kos sara hidup sedang ditangani melalui sokongan dan penstabilan harga bahan api menerusi penetapan harga runcit RON95 dan diesel serta pengenalan pas MyRapid dan i-Keep. Langkah tersebut telah berjaya memastikan inflasi terus terkawal dengan hanya mencatat purata 0.5% dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019. Inflasi dijangka mencatat 0.9% untuk keseluruhan 2019 berbanding 1% pada 2018. Selain itu, Kempen Pemilikan Rumah telah dilancarkan bagi mengurangkan kos memiliki rumah untuk rakyat Malaysia. Kerajaan juga sedang membangunkan Indeks Kos Sara Hidup untuk membantu majikan menentukan kadar gaji yang berpatutan dan tahap kenaikan gaji yang bersesuaian kepada pekerja setelah mengambil kira kos sara hidup.

Kualiti institusi sangat penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang. Kerajaan masih meneruskan inisiatif pembaharuan institusi terutamanya berkaitan kewangan awam. Tender terbuka kini merupakan norma Kerajaan dan menjadikan proses perolehan lebih telus berbanding sebelum ini. Tahap ketelusan dalam sektor awam dapat dipertingkatkan lagi apabila Kerajaan beralih sepenuhnya kepada perakaunan akruan daripada perakaunan asas tunai dalam tempoh tiga tahun. Setelah peralihan ini selesai, Kerajaan akan memperoleh gambaran komprehensif mengenai semua tanggungan kewangan yang tidak pernah direkodkan secara sistematik sebelum ini.

Di peringkat serantau, Malaysia akan menjadi tuan rumah mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 2020. Negara akan menerima kedatangan lebih 16,000 delegasi dari 21 ekonomi yang mewakili 60% atau USD48 trilion daripada KDNK global dan 47% atau USD22 trilion daripada perdagangan dunia. Penganjuran mesyuarat APEC berlaku serentak dengan kempen Visit Malaysia 2020 yang mana Kerajaan menyasarkan ketibaan 30 juta pelancong asing pada tahun tersebut.

Ini membuka peluang kepada negara untuk memperkenalkan semula kehebatan Malaysia kepada dunia dan mempamerkan kejayaan transformasi negara daripada kleptokrasi global kepada demokrasi berfungsi seterusnya bersedia untuk menjulang semula kedudukan negara sebagai salah satu harimau Asia.

Sayangi Malaysiaku!



LIM GUAN ENG

11 Oktober 2019